

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 7()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
BIL. 2 TAHUN 2020**

Tarikh : **25 November 2020 (Rabu)**

Masa : **10.00 pagi – 11.45 pagi**

Tempat : **Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2, Ibu Pejabat,
Majlis Perbandaran Subang Jaya**

Kehadiran : **Seperti di Lampiran A**

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Setiausaha Majlis Bandaraya Subang Jaya.

2.0 TAYANGAN AKTIVITI / PROGRAM BULANAN

Tayangan gambar pelaksanaan program/aktiviti yang telah berlangsung sepanjang bulan Oktober dan November 2020.

3.0 PERUTUSAN PENGERUSI

Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya kali yang kedua. Seterusnya pemakluman beberapa perkara seperti yang berikut :

- i) Pengisytiharan kepentingan peribadi bagi Mesyuarat Penuh. Semua ahli mesyuarat diwajibkan mengisytihar kepentingan peribadi ke atas sebarang keputusan yang dibincangkan serta hendaklah berkecuali dengan menyatakan kepentingan dan berundur diri seketika semasa perbincangan. Selaras dengan keputusan Mesyuarat MMKN bil 21/2018, Ahli Majlis diminta mengisi borang Pengisytiharan Kepentingan Ahli Mesyuarat setiap kali mesyuarat diadakan.
- ii) Pemakluman larangan menggunakan peralatan komunikasi semasa mesyuarat berlangsung.
- iii) Datuk Bandar memaklumkan bahawa Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) telah mengisytiharkan penularan wabak Coronavirus (Covid-19) sebagai pandemik. Ini berlarutan akibat daripada peningkatan kes positif yang menular di seluruh dunia meningkat dengan begitu ketara. Penularan wabak Covid-19 telah memberi impak kepada semua negara di seluruh dunia termasuk Malaysia.

Tidak dapat dinafikan bahawa virus kecil Covid-19 telah pun menggegarkan satu dunia, dari sudut kesihatan, keselamatan, ekonomi dan sosial di setiap negara.

Tahun ini merupakan tahun yang benar-benar mencabar untuk semua peringkat. Perubahan yang amat ketara dapat dilihat dalam pelbagai lapisan masyarakat terutamanya keluarga yang berpendapatan rendah. Selain kehilangan nyawa akibat wabak COVID-19, punca pendapatan individu turut terjejas dengan ketara apabila ramai yang kehilangan pekerjaan dan punca pendapatan.

Tabung Kewangan Antarabangsa atau IMF mengunjurkan ekonomi global mencatat pertumbuhan negatif di paras 4.4 peratus pada tahun ini. Perdagangan dunia juga dijangka merosot pada kadar 10.4 peratus. Krisis yang berlaku pada masa ini turut menjejaskan ekonomi di lebih 150 buah negara. Ia merupakan krisis ekonomi terburuk sejak era *the Great Depression* pada sekitar tahun 1930-an.

Kegiatan ekonomi di Malaysia menguncup dengan ketara pada separuh pertama tahun 2020 iaitu sekitar negatif 8.3%. Ini disebabkan oleh langkah-langkah yang diperkenalkan untuk membendung pandemik COVID-19 pada peringkat global dan dalam negeri.

Sehingga 29 Oktober 2020, kutipan hasil Kerajaan Negeri Selangor telah merekodkan jumlah sebanyak RM1.99 bilion bersamaan dengan 90.46 peratus daripada anggaran hasil tahun 2020 sebanyak RM2.2 bilion. Unjuran pertumbuhan ekonomi Negeri Selangor pada tahun ini dijangka pada kadar dua peratus kesan daripada penularan COVID-19.

Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) juga tidak terkecuali terkesan dengan pandemik Covid-19 yang melanda. Anggaran asal hasil bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM 305 juta tetapi telah dipinda kepada RM 256 juta iaitu pengurangan sebanyak 15% berjumlah RM 48 juta. Unjuran ini telah mengambilkira beberapa pakej rangsangan dari pihak Kerajaan Negeri dan Persekutuan.

Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang prihatin, MBSJ turut memberikan pelan bantuan kepada peniaga dan penduduk dengan melaksanakan bantuan berikut:

- a) Pakej rangsangan kepada penyewa rumah rakyat, peniaga, operator, penyewa premis, pengendali medan selera milik MBSJ dengan memberikan pengecualian bayaran sewa selama 3 bulan;
- b) Pelan ansuran tanpa faedah untuk cukai taksiran;
- c) Pengecualian denda lewat bagi cukai taksiran;
- d) Pemberian diskaun 50% bagi kompaun lalu lintas;
- e) Pemulangan semua deposit peniaga bazar Ramadan.

Bagi menjana aliran tunai, Majlis melaksanakan pelbagai pendekatan seperti yang berikut:

- a) Menggiatkan kesedaran kepada pelanggan supaya membuat pembayaran secara dalam talian;
- b) Mengenakan bayaran secara debit terus bagi sewaan Majlis;
- c) Menaiktaraf platform pembayaran secara dalam talian bagi OSC 3 Plus Online (Kos Merancang dan Pembangunan)
- d) Permohonan dan pembaharuan lesen secara dalam talian;
- e) Mempelbagaikan saluran pembayaran bagi cukai taksiran, sewaan Majlis dan bil air gerai Majlis menggunakan aplikasi telefon (e-wallet) menggunakan Touch n Go serta pembayaran di kaunter bayaran semua stesen minyak Shell dan Petron.

Di waktu ini juga, pihak Majlis turut memikirkan kaedah penjimatan agar perbelanjaan boleh diminimakan dengan melaksanakan perkara berikut :

- a) Menggunakan pendekatan mesra pemakluman kepada penduduk mengenai cukai taksiran secara e-mel dan telefon. Penduduk boleh mencetak bil dan melaksanakan pembayaran menggunakan portal Majlis. Kaedah ini mampu menjimatkan perbelanjaan Majlis sebanyak RM 600 ribu setahun;
- b) Menyediakan aplikasi mudah alih bagi platform semakan dan pembayaran untuk cukai, kompaun dan lesen.

Prestasi kutipan hasil MBSJ sehingga 22 November 2020 adalah sebanyak 98% iaitu RM 252 juta dan rizab Majlis adalah sebanyak RM 121 juta.

- iv) Datuk Bandar turut berkongsi tentang laporan demam denggi yang dilaporkan di kawasan pentadbiran MBSJ. Pada Minggu Epid 47 iaitu dari 15 sehingga 21 November 2020 terdapat sebanyak 6,035 kes positif demam denggi yang dilaporkan di kawasan pentadbiran MBSJ. Terdapat 5 lokaliti hospot denggi iaitu di lokasi USJ 3/2, Indera Subang Condominium USJ 6/2, USJ 6/5 – USJ 6/7, Bandar Kinrara 2 dan Taman Serdang Jaya 3.

Majlis menyeru masyarakat agar memastikan kawasan premis dan persekitaran masing-masing bebas dari tempat pembiakan nyamuk Aedes dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit seminggu untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes.

- v) Bagi pelaporan kes covid 19 pula, sehingga 23 November 2020 terdapat sebanyak 56,659 kes positif Covid 19 telah dilaporkan di seluruh Malaysia dengan 337 kematian. Manakala di Negeri Selangor, sehingga 23 November 2020 terdapat 10,955 kes positif Covid 19 dilaporkan dengan sebanyak 1,920 kes di daerah Petaling dan 360 kes yang dilaporkan adalah di kawasan pentadbiran MBSJ.

Masyarakat dinasihatkan agar mematuhi SOP yang telah ditetapkan dengan mengelakkan 3S (Sesak, Sempit, Sembang Dekat) dan mengamalkan 3W iaitu Wash (kerap basuh tangan/guna handsanitizer), Wear (digalakkan memakai pelitup mulut dan hidung), Warn (tidak bersalaman, etika batuk/bersin, disinfeksi, periksa suhu badan).

- vi) Pemakluman berkenaan Program Pemberdayaan Komuniti Bersih dan Ceria yang akan dilaksanakan bermula 2 sehingga 31 Disember 2020 bertempat di Pangsapuri atau Kampung Angkat yang terpilih. Pelaksanaan program ini menggunakan Peruntukan Program Pangsapuri dan Kampung Angkat.

Pelaksanaan program meliputi Kempen 10 Minit Kesihatan, Program Mengecat Rumah Sampah (Indah dan Ceria) dan Program Kitar Semula. Sebanyak 6 pangsapuri telah terpilih dalam pelaksanaan program ini iaitu Pangsapuri Enggang BK 6, Pangsapuri Kos Rendah Sri Serdang, Jalan 18/28 (Flat Ikan), Pangsapuri Bukit Puchong, Pangsapuri Kos Rendah Puncak Kinrara 1A, Pangsapuri Kos Rendah Blok F Puchong Permai dan Pangsapuri Kos Rendah Blok F Puchong Permai.

- vii) Datuk Bandar mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan berharap mesyuarat pada hari ini berjalan lancar.

4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 1/2020

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 1/2020 bertarikh 30 Oktober 2020 (Jumaat) disahkan tanpa sebarang pindaan.

5.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 1/2020

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 8/2020 bertarikh 30 Oktober 2020 (Jumaat) disahkan tanpa sebarang pindaan.

6.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil.1/2020 bertarikh 10 November 2020

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil.1/2020 bertarikh 11 November 2020

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil.19/2020 bertarikh 12 November 2020

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan / pindaan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 5.8 & m/s 94	Encik Keshminder Singh a/l K.Karam Singh	Kertas Kerja : 294/19/92/2020 Untuk : Impiana Impresif Sdn.Bhd. (800440-D) MPSJ.JPB.BP2.	Beliau meminta supaya penjelasan diberikan kepada penduduk sekitar berkenaan projek ini. Beliau khawatir tentang anak sungai di kawasan projek yang

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			600-1/1/4 Jld.3	<p>boleh menyebabkan banjir apabila projek dilaksanakan.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Datuk Bandar memaklumkan bahawa keperluan untuk penjelasan projek ini kepada orang awam boleh dilaksanakan. Jabatan Perancangan Bandar diminta menetapkan satu tarikh untuk pemakluman berkaitan projek ini kepada penduduk sekitar dengan memanggil beberapa wakil yang berkepentingan sahaja (tidak melebihi 20 orang) hadir bersemuka dan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>selebihnya dilaksanakan secara maya.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Perancangan Bandar</p>
2.	Para 6.1,6.2 & m/s 135-136	Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim	<p>Permohonan Pelan Infrastruktur Untuk : Lembah Penchala Sdn.Bhd; dan Untuk : Greendev Sdn. Bhd.</p>	<p>Beliau memohon semakan terhadap tajuk projek 6.1 dan 6.2, dikhuatiri tersalah tajuk projek.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Datuk Bandar meminta urus setia Mesyuarat Jawatankuasa OSC membuat pindaan terhadap minit mesyuarat ke atas tajuk 6.1 dan 6.2.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Urus setia Mesyuarat OSC</p>

6.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil.1/2020 bertarikh 17 November 2020

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan / pindaan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.2 & m/s 3	Encik Yap Kok Weng	Pembaharuan lesen perniagaan tahun 2021 yang terkesan dengan Covid-19	Beliau meminta dibuat pindaan kepada minit mesyuarat kepada ayat “Encik Yap Kok Weng memohon penjelasan bagi premis hiburan yang <u>tidak memperbaharui</u> lesen selepas bulan Januari 2021 akan dikenakan tindakan oleh pihak Majlis”. Maklum balas : Datuk Bandar meminta

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>urus setia Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan melaksanakan pindaan terhadap minit mesyuarat.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Pelesenan</p>
2.	Para 7.14 & m/s 40 & 41(v)	Encik Thomas Low Yew Sin	Inisiatif Majlis Bandaraya Subang Jaya untuk peniaga pasar malam dan pasar pagi semasa pasca Covid-19 bagi tahun 2021	<p>Beliau memaklumkan tentang perkara berikut :</p> <p>i) Mohon fleksibiliti tarikh bagi pembayaran pembaharuan lesen pasar pagi dan pasar malam.</p> <p>ii) Mohon agar cetakan bilangan tapak sedia ada dikekalkan walaupun harga lesen diturunkan dalam tempoh PKPB.</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>Maklum balas :</p> <p>Datuk Bandar meminta perkara tersebut dilaksanakan :</p> <p>i) Jabatan Pelesenan menguruskan fleksibiliti tarikh pembayaran pembaharuan lesen pasar pagi dan pasar malam.</p> <p>ii) Notis makluman kepada peniaga sebagai jaminan MBSJ tentang isu bilangan tapak asal.</p> <p>Tindakan : Jabatan Pelesenan</p>

7.0 PEMBENTANGAN KERTAS KERJA

7.1 Kertas Cadangan Pindaan Kepada Senarai Nilai Bagi Harta Tanah di dalam kawasan Majlis Bandaraya Subang Jaya untuk Dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2021 (Kertas Mesyuarat Bil.3/2/2020)

Kertas kerja ini disediakan oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta dan dibentangkan oleh Pengarah Penilaian dan Pengurusan Harta MBSJ.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju dan menerima kertas cadangan pindaan kepada senarai nilai bagi harta tanah di dalam kawasan Majlis Bandaraya Subang Jaya untuk dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2021.

Tindakan : Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

7.2 Kertas Usul Penambahan Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya

Parti DAP telah mengusulkan Encik Tai Cheng Heng sebagai ahli Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan MBSJ.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima usul penambahan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan MBSJ iaitu Encik Tai Cheng Heng daripada parti DAP.

**Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan /
Jabatan OSC**

8.0 PENUTUP

Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.45 pagi.

Tarikh Disediakan : 27 November 2020

" SELANGOR MAJU BERSAMA "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

.....
(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.

Setiausaha

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(TPr. NORAINI BINTI ROSLAN), S.I.S., P.P.T

Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

LAMPIRAN A

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1. | Puan Noraini binti Roslan, S.I.S., P.P.T
Datuk Bandar | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.
Setiausaha | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | Encik Yap Kok Weng | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli | - | " |
| 5. | Ar.Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim | - | " |
| 6. | Encik Tai Cheng Heng | - | " |
| 7. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 8. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |
| 9. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - | " |
| 10. | Encik Thomas Low Yew Sin | - | " |
| 11. | Encik Thamilarusu Sandayan | - | " |
| 12. | Encik Wong Yii Seang | - | " |
| 13. | Puan Lee Jen Uyin | - | " |
| 14. | Puan Ng Seow Chen | - | " |

15.	Encik Thong Kim Fatt	-	"
16.	Encik Mohd Tarmizi bin Lazim	-	"
17.	Encik Muhammad Khairil bin Khalid	-	"
18.	Encik M.Anbarasan A/L Murugesu	-	"
19.	Puan Kavitha A/P Chandragesen	-	"
20.	Encik Keshminder Singh A/L K.Karam Singh	-	"
21.	Encik Mohd Fitri bin Jamaludin	-	"
22.	Encik Mohd Syafiq bin Mohamad Norizan	-	"
23.	Puan Aniza binti Jamaludin	-	"
24.	Encik Abbas Salimmi bin Che Adzmi@Azmi	-	"
25.	Encik Frankie Kog Eng Kee	-	"
26.	Encik Muhammad Fauzan bin Rosli	-	"

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. Tuan Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N, A.M.S
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
3. TPr.Haji Ismail bin Muhammad, A.I.S
Pengarah, Perancangan Bandar

4. Encik Muhammad Zaki bin Yusof
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
5. Encik Ismail bin Salim, P.J.K
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
6. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Kesihatan
7. Puan Hjh Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
8. Sr Hjh. Aida binti Omar, MRISM
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
9. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
10. Puan Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
11. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan
12. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Pengarah, Jabatan Pelesenan
13. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
14. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Audit Dalam

15. Cik Rozdiana binti Mohd Rosmi
Pengarah, Jabatan OSC
16. Sr Mohd Marwan bin Khalilludin
Pengarah, Jabatan COB
17. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
18. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap
19. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti
20. Nabila Amalina binti Mohd Hamid
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. Sr Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan

URUS SETIA

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan